



PERDANA MENTERI MELANCARKAN INISIATIF INFRASTRUKTUR AWAM DI SEMENYIH

SEMENYIH, 27 JANUARI 2026 — Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, hari ini telah menyempurnakan pelancaran inisiatif infrastruktur awam di Semenyih yang dirangka khusus untuk merancakkan pembangunan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Projek ini merangkumi pembinaan Jalan Pintasan Semenyih.

Projek Jalan Pintasan Semenyih adalah hasil kerjasama strategik antara KHK Land dan Kerajaan Persekutuan, yang merupakan tunjang utama inisiatif ini. Laluan sepanjang 4.3 kilometer dengan empat lorong ini bakal menghubungkan Semenyih ke Lebuhraya SILK serta enam (6) lebuhraya utama, termasuk LEKAS dan CKE.

Inisiatif ini bukan sahaja mampu merungkai masalah kesesakan setempat, malah memendekkan masa perjalanan ke Kuala Lumpur, daripada 45 minit kepada hanya 20 minit. Lebih daripada sekadar kemudahan mobiliti, jalan pintasan ini juga mencerminkan visi pembangunan inklusif yang lebih luas demi merangsang pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan sosial jangka panjang di kawasan tersebut.

Manfaat menyeluruh kepada komuniti

Selain meningkatkan kelancaran perjalanan, Jalan Pintasan Semenyih–SILK dijangka membawa manfaat meluas dari aspek ekonomi. Akses yang



lebih baik akan menyokong perniagaan tempatan, merancak aktiviti ekonomi serta memperkukuhkan keterhubungan ke destinasi rekreasi dan pelancongan utama, seperti Bukit Broga dan Banjaran Titiwangsa, salah satu banjaran tertua di rantau ini. Kemudahan jalan raya ini akan menjadikan destinasi tersebut lebih mudah dikunjungi, seterusnya menyokong sektor pelancongan, perusahaan kecil dan aktiviti ekonomi berasaskan komuniti.

Dari perspektif alam sekitar, aliran trafik menjadi lebih lancar dan pengurangan tempoh kenderaan berada di jalan raya dapat membantu merendahkan pelepasan asap kenderaan yang berpunca daripada kesesakan. Secara keseluruhan, pembinaan Jalan Pintasan Semenyih–SILK memberikan impak positif kepada rangkaian pengangkutan yang lebih cekap dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Pembangunan usaha sama

Kerjasama antara KHK Land dan Kerajaan adalah bukti komitmen bersama bagi memperkukuh keterhubungan serta menyokong pertumbuhan mampan di kawasan yang sedang pesat membangun seperti Semenyih.

Pengerusi KHK Land, Dato' Zainol Abidin bin Mohamed menegaskan bahawa syarikatnya melihat jalan pintasan ini sebagai pelaburan jangka panjang bagi keterhubungan komuniti dan bukannya sekadar sebuah projek jalan raya tunggal.

“Kami melihat jalan pintasan ini sebagai sebahagian daripada usaha lebih luas untuk menyediakan infrastruktur yang dapat meningkatkan kebolehcapaian serta memperkasakan kehidupan harian masyarakat.



Melalui kerjasama erat dengan Kerajaan, matlamat kami adalah untuk menyediakan laluan yang menyokong pertumbuhan jangka panjang, pembangunan bertanggungjawab serta keterhubungan yang lebih baik buat penduduk di Semenyih dan kawasan sekitarnya,” katanya.

Pada majlis tersebut, KHK Land turut menyampaikan sumbangan kepada 12 buah institusi di sekitar Semenyih, merangkumi institusi keagamaan dan pendidikan. Pemberian sumbangan ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen syarikat dalam menyokong komuniti setempat, selain berperanan dalam menjayakan projek Jalan Pintasan Semenyih–SILK.

Dijadualkan siap pada tahun 2027, jalan pintasan ini bakal memainkan peranan penting dalam meningkatkan mobiliti, menyokong pertumbuhan seimbang serta meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan bagi komuniti khususnya di Semenyih.

Majlis pelancaran turut dihadiri oleh YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor; YB Puan Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); serta Tan Sri Kong Hon Kong, Pengasas KHK Land.

-TAMAT-

Issued by GO Communications Sdn Bhd on behalf of KHK Land

For media enquiries, kindly contact:
GO Communications Sdn Bhd



Celine Lau, Associate Brand Director
+6012 962 2111
celinelau@gocomm.com.my

Anis Jilid, Brand Manager
+6011 1233 9022
anis@gocomm.com.my